

## KPDNHEP Negeri Sembilan keluarkan kompaun berjumlah RM6,000 sejak 18 Mac

Mei 15, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**SEREMBAN, 15 Mei** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan telah mengeluarkan kompaun berjumlah enam ribu ringgit ke atas kesalahan membabitkan tanda harga sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.

Menurut Timbalan Pengarah KPDNHEP negeri, Johary Yacob, tindakan kompaun dikenakan turut melibatkan tiga kes iaitu peniaga gagal meletakkan tanda harga ke atas barangan harian.

Tambahnya, sejak pelaksanaan PKP, pihaknya tidak menerima sebarang aduan berkaitan kenaikan harga barang dan pemantauan terhadap harga barangan keperluan harian sentiasa dilaksana dari semasa ke semasa.

Selain itu, KPDNHEP turut memberi amaran kepada peniaga supaya mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan tidak mengambil kesempatan sepanjang tempoh PKP/PKP Bersyarat.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18367-kpdnhep-negeri-sembilan-keluarkan-kompaun-berjumlah-rm6-000-sejak-18-mac>